

Cagamas sasar terbit bon, sukuk RM11b

Oleh **NUR HANANI AZMAN**

ekonomi@utusan.com.my



KUALA LUMPUR 3 Mei - Cagamas Bhd. menyasar untuk menerbitkan bon dan sukuk bernilai RM11 bilion pada tahun ini berbanding RM5.7 bilion tahun lalu.

Jumlah sasaran perbadanan gadai janji nasional itu pada 2016 sebanyak RM6.2 bilion, walau bagaimanapun hanya mampu mencecah RM5.7 bilion berikutan naik turun pasaran.

Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Chee Leong berkata, unjuran lebih tinggi tahun ini disebabkan jangkaan permintaan yang lebih baik daripada bank untuk bon dan sukuk.

Katanya, ia juga termasuk keperluan syarikat untuk memenuhi mudah tunai Basel III, malah keadaan ekonomi global juga lebih sesuai untuk pasaran modal

tempatan tahun ini berbanding tahun lalu.

"Setakat 30 April lalu, Cagamas telah menerbitkan bon bernilai RM4.2 bilion dan sukuk (RM1.2 bilion).

"Dari segi terbitan, syarikat tahun ini merancang untuk menerbitkan 70 peratus bon dan 30 peratus sukuk," katanya kepada pemberita selepas sesi taklimat pasaran modal di sini hari ini.

Menurut Chee Leong, Cagamas akan mengeluarkan bon untuk kemudahan pinjaman bukan Islamik manakala sukuk akan dikeluarkan untuk pinjaman Islamik.

Syarikat juga katanya, tidak meletakkan sebarang sasaran nisbah bagi terbitan denominasi ringgit dan bukan ringgit kerana ia bergantung pada nilai semasa mata wang tersebut.

Mengenai pembangunan pasaran modal, beliau berkata, lebih banyak program kesedaran dan pendidikan perlu dijalankan di Malaysia untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelabur runcit mengenai faedah pelaburan dalam pasaran bon.

"Dalam kalangan negara ASEAN, Thailand mengatasi Malaysia dari

segi penerbitan bon selama dua tahun berturut-turut sejak 2015. Negara itu mempunyai lebih banyak penyertaan runcit yang menjadikan pasaran bon lebih mapan," jelas beliau.



CHUNG CHEE LEONG